

**NOTIS PENGGUNAAN DEWAN PEPERIKSAAN F2**  
**PEJABAT PENGURUSAN AKADEMIK (PPA)**

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga UTHM mengenai peraturan penggunaan dewan peperiksaan di Bangunan F2.

**a. Keutamaan penggunaan dewan adalah untuk tujuan ujian dan peperiksaan sahaja.**

Sekiranya ingin menggunakan dewan untuk tujuan aktiviti atau program pelajar pengguna hendaklah mematuhi peraturan sepertimana yang tersebut:-

1. Sebarang aktiviti selain ujian dan peperiksaan perlu mendapat kelulusan Timbalan Pendaftar, Pejabat Pengurusan Akademik (PPA) dengan mengisi borang yang telah disediakan.
2. Pihak PPA berhak membuat keputusan membatalkan tempahan dan penggunaan tanpa memberi alasan sekiranya tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
3. Selepas menggunakan kerusi / meja dan peralatan lain, hendaklah disusun semula dan pastikan ianya berada di kedudukan asal.
4. Pengguna dewan tidak dibenarkan membawa keluar sebarang peralatan dan lain-lain kemudahan dewan tanpa mendapat kebenaran Timbalan Pendaftar Pejabat Pengurusan Akademik.
5. Memastikan keselamatan/ kelengkapan dewan sepanjang tempoh penggunaan.
6. Melaporkan segera sebarang kerosakan peralatan/ kelengkapan kepada PPA.
7. Pastikan kemudahan seperti lampu, penghawa dingin dan alat siaraya dimatikan suisnya dan memastikan semua pintu termasuk pintu utama dewan dikunci selepas penggunaan.
8. Pengguna hendaklah memastikan keselamatan dan kebersihan di dalam dan luar kawasan dewan sebelum dan selepas menggunakan dewan.

Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk memastikan kesemua peralatan/ kelengkapan di dalam dewan dan memberi keselesaan kepada semua pengguna dewan.

- Terima Kasih -

Unit Perkhidmatan Sokongan Akademik  
Pejabat Pengurusan Akademik  
Tel: 07-4537690/7692  
Faks : 07-4536085  
Email : pa@uthm.edu.my